

ISU DAN CABARAN DAKWAH KEPADA OKU: ANALISIS TINJAUAN LITERATUR SISTEMATIK

ISSUES AND CHALLENGES OF DA'WAH TO THE DISABLED: A SYSTEMATIC LITERATURE REVIEW (SLR)

Nik Ahmad Farid Nik Shabery, Noornajihan Jaafar* & Nurul Asiah Fasehah Muhamad
*Pusat Penyelidikan Ibnu UMMI Maktum,
Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia
noornajihan@usim.edu.my**

ABSTRACT

Islamic da'wah including the education of the Quran, cannot be denied its importance and role in the development of the ummah. Therefore, da'wah must be given due attention and focus in the development of children's education to ensure that it is able to give the best impact in the process of building the ummah. The true dawah of Islam is to offer to every layer of society, including the people with disabilities various categories. This group is entitled to the blessings of Islam because Islam is not only exclusive to the normal individuals. However, specific needs and certain methods need to be taken into account accordingly by the preachers so that the message of Islam can be conveyed well and effectively. Therefore, the main objective of this study is to analyze the issues and challenges of da'wah to people with disabilities. The method of this study is a qualitative study that applies the design of document analysis with guided by systematic literature review (SLR) as a platform. The results show that there are several issues and challenges of da'wah to the disabled that need to be faced by those who involved with the people with disabilities. Therefore, it is hoped that this study is able to increase the awareness and open the eyes of all parties in an effort to improve the understanding and religious practices of people with disabilities.

Keywords: Challenges, Da'wah, People with Disabilities, Systematic Literature Reviews

ABSTRAK

Dakwah Islam termasuklah pendidikan al-Quran tidak dapat dinafikan kepentingan dan peranannya dalam pembangunan ummah. Justeru itu, dakwah Islam perlu diberi perhatian dan fokus yang sewajarnya dalam perkembangan pendidikan anak-anak bagi memastikan ia mampu memberi impak yang terbaik dalam proses pembinaan ummah. Dakwah Islam yang sebenar perlu disediakan kepada setiap lapisan masyarakat tidak terkecuali kepada golongan orang kelainan upaya (OKU) pelbagai jenis kategori. Golongan ini berhak mendapat nikmat Islam kerana Islam tidak hanya terkhusus kepada individu sempurna pancaindera sahaja. Namun demikian, keperluan khusus serta kaedah tertentu perlu diambil kira sewajarnya oleh para pendakwah agar dakwah Islam dapat disampaikan dengan baik dan berkesan. Oleh itu, objektif utama kajian ini ialah menganalisis isu dan cabaran dakwah kepada komuniti OKU. Metode kajian ini ialah kajian kualitatif yang menggunakan reka bentuk analisis kandungan berpandukan tinjauan literatur sistematik sebagai landasan. Hasil kajian menunjukkan bahawa terdapat beberapa isu dan cabaran dakwah kepada golongan OKU yang perlu dihadapi oleh para pendakwah dan pihak yang terlibat dengan komuniti OKU. Oleh yang demikian, diharap kajian ini berupaya menimbulkan kesedaran dan membuka mata semua pihak dalam usaha meningkatkan pemahaman dan amalan beragama komuniti OKU.

Kata Kunci: Cabaran, Dakwah, Golongan Orang Kelainan Upaya (OKU), ulasan sistematik

PENGENALAN

Dakwah dalam Islam merupakan satu bentuk pendidikan rabbani yang bermatlamat untuk mengajak, mendidik dan membentuk insan yang sempurna dan mentaati syariat Allah SWT. Hal ini kerana Allah SWT telah menegaskan tujuan asal penciptaan manusia dalam surah Az-Zariyat ayat 56 yang bermaksud:

Dan (ingatlah) Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan untuk mereka menyembah dan beribadat kepada Ku.

(Abdullah Muhammad Basmeih, 2011)

Lantaran itu, Islam amat menitikberatkan pendidikan yang seimbang dan menyeluruh. Nor Asma at al. (2017) menyatakan bahawa Islam amat memberi penekanan kepada pendidikan yang menyeluruh dengan mengambil kira aspek pembangunan rohani dan akhlak seiring dengan pembangunan material. Hakikatnya Islam merupakan agama yang *syumul* untuk semua lapisan masyarakat tanpa mengira latar belakang keupayaan, peringkat umur mahupun jantina.

Justeru, komuniti orang kelainan upaya (OKU) tidak terkecuali daripada komuniti ummah Islam yang perlu dibentuk menjadi manusia yang sempurna dan mentaati Allah SWT. Ini kerana mereka juga adalah insan yang tau dipertanggungjawabkan oleh Allah SWT untuk memainkan peranan sebagai hamba dan khalifah Allah SWT (Nor Izzati, 2021). Sebagai hamba Allah SWT, manusia diperintahkan untuk melakukan ibadat sebagaimana yang disyariatkanNya. Nilai amal ibadat ini dijadikan pengukur sama ada seseorang hamba itu mulia atau hina di sisi Allah SWT. Firman Allah SWT dalam surah al-Hujurat ayat 13 bermaksud:

Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang lebih takwanya di antara kamu, (bukan yang lebih keturunan atau bangsanya). Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Mendalam Pengetahuan Nya (akan keadaan dan amalan kamu)

(Abdullah Muhammad Basmeih, 2011)

Namun demikian, terdapat isu yang melibatkan komuniti OKU daripada kalangan umat Islam iaitu isu agama dan dakwah. Isu berkaitan OKU jarang diperkatakan dalam dunia dakwah khususnya di Malaysia. Ini mengakibatkan ramai dalam kalangan mereka yang jahil tentang hukum-hakam asas agama kerana kekurangan pusat pendidikan kefahaman Islam untuk OKU serta cara penyampaian dakwah kepada komuniti OKU yang kurang berkesan. Hal ini kerana terdapat isu dan cabaran dakwah yang masih belum dapat diselesaikan secara holistik dan masih memerlukan kerjasama yang padu daripada semua pihak. Menurut Mohamad Adib et al. (2017) sebagaimana yang dinyatakan oleh Yang Dipertua Persatuan Orang-Orang Cacat Penglihatan Islam Malaysia (PERTIS) iaitu Zakaria Yahya (2012) kepada Berita Harian, beliau menegaskan bahawa wujud laporan daripada beberapa individu mengenai dakyah agama lain terhadap komuniti OKU yang beragama Islam. Situasi ini sangat membimbangkan dan perlu diatasi oleh semua pihak termasuk pihak berautoriti dan pihak badan bukan kerajaan sebelum ia melanda lebih parah kepada komuniti istimewa ini.

Beliau juga menambah kebimbangan tentang isu dakwah OKU. Antaranya iaitu pusat keagamaan bukan Islam untuk OKU daripada kalangan mereka yang memerlukan pendidikan khas seperti ADHD, Cerebral Palsy, dan Autism banyak menempatkan OKU Islam kerana kekurangan pusat seumpamanya milik orang Islam sendiri. Ini disebabkan faktor ekonomi dan kekangan kewangan. Walaupun terdapat beberapa usaha murni yang dilaksanakan oleh institusi agama, namun ianya tidak mencukupi berbanding agama lain yang lebih serius dalam hal ini. Ia dibuktikan dengan statistik iaitu lebih 170 pusat kebajikan OKU milik institusi agama bukan

Islam yang wujud di Malaysia (Berita Harian, 2012). Tidak dinafikan bahawa terdapat usaha-usaha yang dilakukan oleh pihak berautoriti, namun seperti sedia maklum usaha tersebut masih lagi tidak mencukupi dan mempunyai kelemahan-kelemahan yang perlu ditangani secara berimpak dan menyeluruh. Dalam konteks dakwah kepada OKU, para pendakwah perlu melihat kepada pendekatan dakwah yang lebih sesuai dilaksanakan kepada mereka. Ab. Aziz (2009) menyatakan bahawa pelaksanaan dakwah terhadap komuniti OKU di Malaysia masih terdapat beberapa kelemahan samada di peringkat sekolah ataupun di peringkat NGO. Walaupun penerimaan komuniti OKU terhadap pelaksanaan dakwah yang sedia ada dianggap memuaskan, namun terdapat beberapa aspek yang berupaya untuk ditambah baik. Antara kelemahan yang ada adalah daripada sudut pendakwah, iaitu kurangnya kemahiran khusus yang diperlukan dalam berinteraksi dengan komuniti OKU. Ini memerlukan penambahbaikan samada dari aspek ilmu juga kemahiran khusus untuk disesuaikan dengan keperluan komuniti OKU agar mencapai matlamat dakwah (Mohamad Adib et al., 2017).

Oleh yang demikian, latihan berterus kepada para pedakwah perlu dilaksanakan dalam usaha melaksanakan dakwah kepada komuniti OKU supaya mereka dapat menghayati dan mengamalkan kehidupan yang lebih baik berpandukan syariat Islam. Tuntasnya, komuniti ini memerlukan satu bentuk pendekatan sokongan melalui para pendakwah yang menyampaikan dakwah agar ketidakfahaman dan kekeliruan dalam agama dapat diatasi. Pernyataan ini bersesuaian dengan pendapat yang diberikan oleh Siti Farhana & Tengku Intan Zarina (2016) iaitu penambahbaikan modul pendidikan agama Islam sangat diperlukan dan juga penilaian dari segi penghayatan dan amalan perlu dilaksanakan. Manakala menurut Ab. Aziz (2009) tiada metode dan modul khusus yang digunakan dalam proses pelaksanaan dakwah bagi komuniti OKU. Oleh itu, pembangunan modul perlu diperkemas dan dipelbagaikan supaya dapat membantu para pendakwah mengenal pasti metodologi dakwah yang sesuai digunakan mengikut keperluan dan kemampuan mereka.

Justeru, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti isu dan cabaran yang dihadapi oleh golongan pendakwah ini dalam menyampaikan dakwah Islam kepada komuniti OKU.

PERSOALAN KAJIAN

RQ1: Apakah isu dan cabaran dalam menyampaikan dakwah Islam kepada golongan orang kelainan upaya (OKU)?

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ni menggunakan pendekatan kualitatif iaitu kaedah tinjauan literatur sistematik. Ia bertujuan untuk mengenal pasti, menilai secara kritis dan mengintegrasikan penemuan semula kajian (Bem, 1995; Baumeister & Leary, 1997). Fokus kajian ini adalah bagi mengenal pasti isu dan cabaran yang dihadapi oleh para pendakwah dalam menyampaikan dakwah Islam kepada komuniti OKU dari tahun ke tahun. Justeru, metode kajian yang digunakan ialah analisis dokumen terhadap artikel, jurnal, tesis dan buku yang telah ditulis oleh para sarjana. Kadar rujukan yang digunakan dalam kajian ini adalah bermula dari tahun 2010 hingga tahun 2021 (11 tahun).

Perkara yang dilakukan dalam mencari artikel tinjauan literatur sistematik ialah mengenal pasti tahun kajian, latar belakang, permasalahan kajian, metode dan dapatan kajian. Hakikatnya, prinsip tinjauan literatur sistematik diterapkan oleh ramai pengkaji mutakhir ini bagi menyorot

sejauh mana fenomena yang berlaku di sekitar kata kunci kajian (Michie & Williams, 2003; Siddiqi, et al., 2006).

Kajian ini dibantu dengan pangkalan data *Google Scholar*, *Researchgate* dan *Academia*. Langkah pertama, pengkaji telah menggunakan kata kunci “Cabaran” dan “Golongan Orang Kelainan Upaya (OKU)” untuk mengenalpasti item yang berkaitan bermula dari tahun 2010 sehingga tahun 2021. Seterusnya, pengkaji memperkecilkan skop carian dengan melakukan saringan item dengan menggunakan kata kunci “Dakwah OKU” yang berkaitan bermula dari tahun 2010 sehingga tahun 2021.

Seterusnya, pengkaji melakukan saringan di pangkalan data *Google Scholar* dengan menggunakan kata kunci “Cabaran Dakwah OKU”. Dari carian ini, hasil carian dokumen yang berkaitan dengan topik kajian, hanya 10 sahaja diterima untuk dianalisis dalam tinjauan literatur sistematik yang berkaitan dengan topik yang ingin dibincangkan dan skop carian bermula dari tahun 2010 hingga tahun 2021. Rabiatuladawiyah & Mohd Nizam (2020) menyatakan artikel yang dianggap tidak relevan adalah artikel yang tidak berkaitan dengan topik iaitu dalam konteks kajian ini ia tidak membincangkan mengenai topik isu dan cabaran dalam menyampaikan dakwah Islam kepada golongan OKU.

Langkah analisa seterusnya adalah dengan melakukan analisis mendalam, mengungkap penemuan penelitian dan memberikan arah penelitian di masa depan yang berhubungan dengan konteks penelitian pada kajian literatur ini (Asbari, M., Tukiran, 2020).

Oleh itu, ini menjadikan limitasi sorotan literatur ini hanya melibatkan 10 buah artikel dalam tempoh 11 tahun iaitu dari tahun 2010 hingga tahun 2021 yang diterbitkan oleh jurnal dan artikel menjadi asas untuk dikaji. Menurut Higgins et al., (2011), tinjauan literatur sistematik merupakan kajian yang bertujuan mencari dan menganalisis secara komprehensif, berstruktur, tiada keraguan dan boleh diulang pada proses seterusnya. Oleh yang demikian, pengkaji menggunakan kaedah ini sebagai metodologi utama kajian.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN KAJIAN

Bagi membincangkan analisis kajian ini secara sistematik, sebelas tinjauan literatur telah dikenal pasti sebagai instrumen penting yang menepati tema kajian iaitu isu dan cabaran dalam menyampaikan dakwah Islam kepada golongan OKU. Jadual 1 menyenaraikan artikel jurnal hasil daripada analisis tinjauan literatur sistematik.

Jadual 1: Tinjauan Literature Sistematis Berkaitan Isu dan Cabaran Dakwah kepada Golongan OKU

| Bil | Kajian | Latar Belakang | Isu/Gap | Metode | Dapatan Kajian |
|------------|--|---|--|-------------------|---|
| 1 | Hajarul Bahti binti Zakaria, Mohd Huzairi bin Awang @ Husain, Bani Hidayat bin Mohd Shafie, Nor Hayati Fatmi binti Talib, 2010 | Memperkasa Pendidikan Al-Quran Pelajar Bermasalah Penglihatan | Kajian ini dijalankan bagi menghuraikan isu, masalah dan cabaran yang dihadapi oleh guru dalam pengajaran dan pembelajaran | Kaedah kualitatif | Hasil dapatan kajian ini dapat menghuraikan berkaitan faktor penyumbang terhadap masalah yang dihadapi oleh para guru diperjelas, dan |

| | | | | | |
|---|---|---|---|-------------------|--|
| | | | Tilawah al-Quran di program pendidikan khas. | | beberapa cadangan diketengahkan bagi mengatasi situasi tersebut. Ini diharap dapat menimbulkan kesedaran dan membuka mata semua pihak khususnya yang bertanggungjawab dalam usaha meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran guru Pendidikan Islam di program Pendidikan khas. |
| 2 | Hj. Norakyairee Hj. Mohd Raus, Mohd Nur Adzam Rasdi, Norazman Alias, Norhasnira Ibrahim, Norullisza Khosim, dan Noornajihan Jaafar, Prof. Madya Dr. Ab. Halim Tamuri, Norshidah Mohamed Salleh, dan Hajarul Bahti Zakaria, 2013 | Pengajaran Al-Quran Braille: Isu Dan Cabaran Semasa | Kajian ini dijalankan bagi menjelaskan senario perkembangan pengajaran al-Quran Braille di Malaysia dan mengenal pasti isu dan cabaran Guru Pendidikan Islam (GPI) dalam pengajaran al-Quran Braille. | Kaedah kualitatif | Hasil dapatan kajian ini menunjukkan beberapa isu dan cabaran GPI dalam pengajaran al-Quran Braille yang memerlukan sokongan dan tindakan semua pihak bagi menjayakan konsep indahny hidup beragama dalam kalangan MBK Masalah Penglihatan. |
| 3 | Hajarul Bahti binti Zakaria, Mohd Huzairi bin Awang @ Husain, Bani Hidayat bin Mohd Shafie, Nor Hayati Fatmi binti Talib, 2013 | Perkembangan Dakwah Terhadap Golongan Bermasalah Penglihatan: Sorotan Dari Perspektif Sejarah Pendidikan Al-Quran | Kajian ini dijalankan bagi meneroka keperluan gerakan dakwah yang perlu dilaksanakan terhadap golongan bermasalah penglihatan di negara ini dari perspektif Pendidikan al- | Kaedah kualitatif | Hasil dapatan kajian ini perkembangan pendidikan al-Quran terhadap golongan bermasalah penglihatan masih belum mencapai tahap yang memberangsangkan dan memerlukan kerjasama daripada semua pihak untuk memartabatkannya dan melonjakkan- |

| | | | | | |
|---|--|---|--|-------------------|--|
| | | | Quran serta mengetahui sejarah perkembangan Pendidikan al-Quran dalam sistem pendidikan kebangsaan di negara kita khusus terhadap golongan bermasalah penglihatan. | | nya agar menjadi tumpuan dan tidak dipinggirkan. Oleh itu, ia mampu membuka mata semua pihak dalam usaha memartabatkan dakwah khususnya dalam bidang pendidikan al-Quran dalam kalangan golongan bermasalah penglihatan di negara kita. |
| 4 | Mohd Huzairi bin Awang @ Husain, Hajarul Bahti binti Zakaria, Bani Hidayat bin Mohd Shafie, Nor Hayati Fatmi binti Talib, Nabiroh Kassim, 2015 | Kepentingan Dakwah Kepada Golongan Bermasalah Pendengaran : Satu Keperluan | Kajian ini dijalankan bagi meneroka keperluan usaha dakwah kepada golongan berkeperluan khas masalah pendengaran sama seperti kepada golongan sempurna. | Kaedah kualitatif | Dapatan daripada tinjauan mendapati bahawa golongan bermasalah pendengaran amat lemah dalam penguasaan fardu ain dan sukar untuk mengikuti perkembangan agama di samping tiada tumpuan daripada institusi agama khususnya pengurusan masjid dalam usaha dakwah golongan berkeperluan khas terutamanya masalah pendengaran. |
| 5 | Ahmad Yunus Mohd Noor, 2016 | Cabaran Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Al-Qur'an Braille Di Kompleks Malaysian Association For The Blind (MAB) | Kajian ini dijalankan bagi mengamati isu dan cabaran yang dihadapi dalam PdP al-Qur'an Braille dengan menjalankan satu kajian kes di Kompleks Malaysian Association for the Blind (MAB), | Kaedah kualitatif | Dapatan kajian ini menunjukkan terdapat cabaran dalam pengajaran dan juga pembelajaran. Cabaran dalam pengajaran ialah apabila berhadapan dengan pelajar yang tidak menguasai kod al-Qur'an Braille, masa pengajaran terhad, kekurangan tenaga pengajar serta |

| | | | | | |
|---|--|--|--|-------------------|--|
| | | | Brickfields, Kuala Lumpur. | | bilangan dan keadaan kelas yang tidak sesuai. Manakala cabaran dalam pembelajaran pula ialah kekurangan daya sensitiviti jari dan masa pembelajaran yang terhad. |
| 6 | Mohamad Adib Mohamad Salih1 , Intan Farhana Saparuddin2 , Zulkefli Aini, 2017 | Realiti Cabaran Pendakwah Terhadap Orang Kelainan Upaya Penglihatan | Kajian ini dijalankan bagi mengenalpasti pendekatan metodologi dakwah yang digunakan kepada OKU Penglihatan. | Kaedah kualitatif | Dapatan kajian ini mendapati dakwah terhadap OKU Penglihatan memang memerlukan perhatian yang lebih oleh semua pihak terutamanya golongan ilmuwan dan agamawan. Perbezaan dalam teknik penyampaian dakwah perlu dititikberatkan dalam meningkatkan kefahaman agama dan mengamalkan nilai-nilai Islam supaya dapat meningkatkan ketaqwaan sebagai hamba Allah SWT. Oleh itu, pendekatan yang betul, teknik yang berkesan, serta strategi pelaksanaan yang cekap amat perlu diwujudkan kerana sehingga kini tahap perkembangan dakwah kepada OKU Penglihatan masih lagi kurang memberangsangkan. |
| 7 | Noornajihan Jaafar & Nur Atiqah Abdul Aziz, 2018 | Faktor Penguasaan Pembelajaran Al- Quran Orang Kelainan Upaya Masalah Penglihatan: Kajian | Kajian ini dijalankan bagi membincangkan faktor penguasaan | Kaedah kualitatif | Dapatan kajian mendapati bahawa antara faktornya ialah kekerapan membaca al-Quran, pengajaran dan |

| | | | | | |
|---|---|--|--|-------------------|---|
| | | Di Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas (SKPK) Alma, Pulau Pinang | dalam pembelajaran al-Quran bagi golongan orang kelainan upaya masalah penglihatan OKUMP. | | pembelajaran berbantuan bahan bantu mengajar (BBM), fasaliti dan suasana pembelajaran serta komitmen dari pihak sekolah. Hasil daripada kajian ini menyumbang kepada pembentukan model pengajaran dan pembelajaran al-Quran bagi OKUMP. |
| 8 | Siti Rahmah Ahmad Razuan ¹ , Norakyairee Mohd Raus ² , Mahyuddin Hashim ³ , Mohd Nur Adzam Rasdi ⁴ , Adnan Mohamed Yusoff ⁵ , Noornajihan Ja'afar ⁶ dan Nurul Asiah Fasehah Muhamad ⁷ , 2019 | Pendidikan Al-Quran Bagi OKU: Pengalaman Pusat Penyelidikan Ibnu Ummi Maktum (UMMI) | Kajian ini dijalankan bagi berkongsi pengalaman UMMI mengenalpasti isu-isu berkaitan pendidikan al-Quran bagi OKU dan menjelaskan peranan UMMI dalam usaha memperluaskan akses OKU terhadap pendidikan al-Quran disamping menangani isu tuntutan beragama dikalangan mereka. | Kaedah kualitatif | Hasil dapatan kajian ini menunjukkan bahawa wujud keperluan yang tinggi terutamanya bagi Universiti Awam (UA) ke arah solidariti dan aksesibiliti OKU untuk menghayati kemukjizatan al-Quran dan konsep indahnyanya hidup beragama. |
| 9 | Rabiatuladawiyah Saleh ¹ & Mohd Nizam Sahad ¹ , 2020 | Sorotan Literatur Sistematis Isu Dan Cabaran Pengajaran Al-Quran Murid Berkeperluan Khas | Kajian ini dijalankan bagi menganalisis isu dan cabaran yang dilalui oleh guru pengajaran al-Quran semasa mengajar murid berkeperluan khas. | Kaedah kualitatif | Hasil dapatan kajian ini menunjukkan bahawa terdapat lima isu dan cabaran yang dihadapi oleh guru dalam mengajar murid berkeperluan khas. Antaranya ialah kekurangan pengetahuan dalam |

| | | | | | |
|----|---------------------------------|---|--|-------------------|--|
| | | | | | mendidik MBK, teknik pengajaran dan kemahiran, tahap kesediaan guru, dan kekangan masa dalam pengajaran MBK. |
| 10 | Nor Izzati binti Mahd Nor, 2021 | Pendidikan Islam Bagi Kanak-Kanak Berkeperluan Khas: Guru Sebagai Murabbi | Kajian ini dijalankan bagi menjelaskan peranan guru Pendidikan Islam sebagai murabbi dalam mendidik pelajar khususnya kanak-kanak berkeperluan khas. | Kaedah kualitatif | Hasil dapatan kajian ini menunjukkan bahawa guru Pendidikan Islam sebagai murabbi memainkan peranan dan tanggungjawab yang besar dalam mendidik pelajar khususnya kanak-kanak berkeperluan khas dan turut memainkan peranan sebagai agen perubahan negara yang membentuk masyarakat. |

Berdasarkan Jadual 1 didapati isu dan cabaran dakwah kepada golongan OKU lebih berfokus kepada isu dan cabaran yang dilalui oleh guru semasa mengajar murid berkeperluan khas. Isu kajian yang difokuskan oleh para pengkaji terdahulu lebih tertumpu kepada kemahiran penggunaan BBM seperti al-Quran Braille bagi OKU Masalah Penglihatan, kemahiran menggunakan Bahasa Isyarat bagi OKU Masalah Pendengaran dan lain-lain. Artikel yang telah dikenal pasti telah dianalisis dan beberapa tema kepada isu dan cabaran pendakwah atau lebih khusus dalam kalangan Guru Pendidikan Islam (Pendidikan Khas) dalam menyampaikan dakwah Islam kepada komuniti OKU telah dikenal pasti, iaitu:

Tiada Penawaran KAFA (Kelas Agama dan Fardu Ain) bagi Pelajar OKU

Mohd Huzairi et al. (2010a) berkongsi bahawa bagi kanak-kanak berpenglihatan, mereka mengikuti kelas KAFA (Kelas Agama dan Fardu Ain) atau disebut juga KAP (Kelas Agama Petang) selepas waktu persekolahan bagi sesi pagi dan sebelum waktu persekolahan bagi yang mengikuti persekolahan sesi petang. Namun, apa yang berlaku kepada pelajar OKU khususnya bagi yang bermasalah penglihatan dan bermasalah pendengaran, mereka tidak dapat mengikuti kelas KAFA sebagaimana rakan-rakan mereka yang lain. Ini disebabkan tiada penawaran kelas yang KAFA disediakan untuk mereka. Hal ini merupakan kekangan utama dan antara perkara yang membantutkan usaha dakwah kepada komuniti ini. Mohamad Adib Mohamad Salih, Intan Farhana Saparuddin & Zulkefli Aini (2017) menyatakan bahawa pelaksanaan dakwah melalui kaedah pendidikan al-Quran dalam kalangan OKU perlu ditingkatkan lagi sebagaimana pencapaian dalam pelbagai bidang al-Quran dalam kalangan pelajar yang lain.

Kurang Kemahiran Penggunaan Kaedah dan Teknik yang Sesuai

Antara cabaran lain yang dihadapi oleh guru Pendidikan Islam (Pendidikan Khas) ialah kaedah pengajaran dan teknik dalam mengajar murid bidang pendidikan khas (Norakyairee Mohd Raus & Nurutthoilah Ahmad Nabil, 2017). Pembelajaran yang berkesan dapat diwujudkan sekiranya guru mengetahui teknik yang sesuai untuk mengajar murid yang mempunyai pelbagai kekurangan keupayaan. Bagi memastikan proses pengajaran lebih menarik dan berkesan, guru tersebut perlu berpengetahuan dan mahir dalam mempelbagaikan kaedah pengajaran (Siti Muhibah & Zetty Nurzuliana, 2018). Hal ini dibuktikan dengan dapatan kajian yang menyatakan bahawa latihan pengkhususan keguruan menjadikan seseorang guru itu berupaya menguasai kurikulum yang diajar dengan lebih mendalam dan menjadikan guru lebih mahir ilmu pedagogi pendidikan (Brown, Smith & Stein, 1995; Wiley & Yoon, 1995; Cohen & Hill, 1997).

Justeru itu, amatlah penting bagi guru dan pelajar untuk menguasai kemahiran mengajar demi memastikan keberlangsungan dan keberkesanan proses penyampaian ilmu dapat berlaku tidak mengira apa jenis kategori OKU yang ada. Namun, apa yang menjadi masalah kini, kebanyakan para pendidik dan pendakwah di Malaysia tidak berkemahiran menggunakan bahasa isyarat untuk berkomunikasi dengan golongan pekak (Siti Muhibah, 2010).

Kemahiran Penggunaan Bahan Bantu Mengajar (BBM)

Menurut Hajaratul Bahti, Mohd. Huzairi, Bani Hidayat & Nor Hayati (2010), guru Pendidikan Islam (Pendidikan Khas) kurang terdedah kepada kemahiran untuk membaca al-Quran menggunakan al-Quran Braille pada peringkat awal menjadi guru. Ini bermakna mereka tidak dapat menguasai kod Braille al-Quran dengan baik untuk digunakan pada sesi pengajaran. Walau bagaimanapun, atas keprihatinan mereka sendiri, apabila mereka ditempatkan di sekolah pendidikan khas, mereka mengambil inisiatif untuk belajar sendiri bagi memastikan pengajaran dapat dilaksanakan dengan sebaiknya. Mohd Nur Adzam Rasdi et al. (2013) menambah, walaupun terdapat guru yang mendapat pendedahan tersebut semasa mengikuti latihan perguruan dalam bidang Pendidikan Islam (Pendidikan Khas), namun tidak semua guru yang ditemui bual menggunakan al-Quran Braille dalam sesi pengajaran mereka. Ini kerana mereka kurang cekap menggunakannya. Hal ini menunjukkan bahawa terdapat kelompangan dalam sistem pelatihan guru khususnya dalam menyediakan guru Pendidikan Islam (Pendidikan Khas) yang berkemahiran menggunakan al-Quran Braille sebagai BBM.

Tambahan, hal ini dapat dibuktikan dengan penulisan Noornajihan Jaafar & Nur Atiqah Abdul Aziz (2018) yang menyatakan bahawa penggunaan BBM dalam PdP al-Quran yang betul, banyak membantu murid-murid Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas (SKPK) Alma menguasai bacaan al-Quran sehingga mencapai tahap yang memberangsangkan. Dapatan kajian mereka mendapati bahawa guru Pendidikan Islam (Pendidikan Khas) di SKPK Alma menggunakan kaedah dan pendekatan yang sesuai serta teknik yang betul, ditambah pula dengan penggunaan BBM yang sesuai sehingga berupaya menarik minat dan perhatian murid-murid. Menurut murid-murid, kata-kata semangat dan galakan yang sentiasa diberikan oleh guru memberi dorongan untuk terus mereka mempelajari bacaan al-Quran walaupun dalam ketidaksempurnaan.

Tahap Kesiediaan Pelajar untuk Belajar Iqra' Braille

Selain daripada cabaran kurangnya penguasaan kemahiran menggunakan al-Quran Braille, cabaran berkaitan tahap kesiediaan murid untuk belajar Iqra' Braille juga dapat dikenal pasti. Menurut Ahmad Yunus Mohd Noor (2016), antara cabaran guru Pendidikan Islam (Pendidikan Khas) Masalah Penglihatan ialah mengajar pelajar-pelajar yang tidak mempunyai asas kod al-Quran Braille. Kebanyakan pelajar di kelas Tahap 1 merupakan pelajar yang tidak mempunyai asas kod al-Quran Braille. Oleh itu, guru perlu mengajar mereka dari awal berkenaan dengan asas

Braille dan perlu memberi penekanan yang lebih kepada pelajar-pelajar ini. Lantaran itu, proses PdP mengambil masa yang lama kerana guru perlu mengajar seorang demi seorang sehingga mereka dapat mengenal kod-kod tersebut. Kemudian baru mereka akan diperkenalkan dengan buku Iqra' Braille.

Masa Pengajaran Terhad

Faktor tempoh masa pengajaran juga menyumbang kepada cabaran yang dihadapi oleh guru Pendidikan Islam (Pendidikan Khas). Hajaratul Bahti, Mohd. Huzairi, Bani Hidayat & Nor Hayati (2010) menyatakan bahawa guru tidak dapat memberikan tumpuan sepenuhnya untuk mengajar Tilawah al-Quran secara khusus. Sebaliknya guru lebih tertumpu untuk menghabiskan sukatan pelajaran bagi persiapan menghadapi peperiksaan. Masa yang diperuntukkan untuk pengajaran mata pelajaran Pendidikan Islam bagi pelajar menengah atas adalah sebanyak tiga waktu sahaja dengan satu waktu tambahan. Oleh itu, asuhan Tilawah al-Quran termasuk dalam tiga waktu tersebut sahaja. Ini menyebabkan guru tidak dapat memberi penekanan kepada pengajaran membaca al-Quran sebaliknya penekanan hanya diberikan kepada mengajar komponen tajwid yang termasuk dalam sukatan soalan peperiksaan sahaja atau komponen-komponen Pendidikan Islam yang lain. Hal ini menyebabkan kemampuan pelajar-pelajar untuk membaca al-Quran dengan baik tidak dapat ditingkatkan kerana hanya tertumpu kepada sukatan peperiksaan sahaja (Hajaratul Bahti, Mohd. Huzairi, Bani Hidayat & Nor Hayati, 2010).

Cabaran masa yang terhad ini juga menyebabkan sebahagian daripada guru mengambil inisiatif sendiri atas keprihatinan mereka untuk mengadakan kelas tambahan pada waktu petang bagi memantapkan kefahaman murid terhadap kemahiran penggunaan al-Quran Braille (Mohd Nur Adzam Rasdi et al., 2013). Namun perkara ini hanya berlaku kepada sekolah yang berasrama penuh sahaja. Berbeza dengan sekolah harian, mereka terpaksa melalui sistem persekolahan sama seperti murid berpenglihatan, iaitu tertumpu pada waktu persekolahan sahaja. Menurut Ahmad Yunus Mohd Noor (2016), masa pembelajaran bagi pelajar al-Quran Braille anjuran PERTIS hanya dapat diadakan pada hujung minggu sahaja. Lantaran itu, kelas hanya dapat diadakan dua kali sebulan. Namun, sekiranya guru mempunyai komitmen lain, kelas hanya dilakukan sekali sahaja dalam sebulan.

Kesan daripada ini, ia menyebabkan kurangnya pendedahan dan pendidikan penting dalam memahami kaedah penguasaan al-Quran yang sepatutnya dapat dipelajari sepenuhnya oleh pelajar. Malah, sesi pengajaran juga tidak bersifat interaktif (Zety Nurzuliana Rashed, Ab Halim Tamuri & Siti Suhaila Ihwani, 2018). Oleh yang demikian, kekerapan dalam tempoh yang sesuai dapat membantu meningkatkan kualiti proses pembelajaran dan pengajaran. Hal ini dapat dibuktikan dengan kajian Noornajihan Jaafar & Nur Atiqah Abdul Aziz (2018) yang menyatakan murid-murid dan guru bersetuju bahawa kekerapan mereka membaca Iqra' dan al-Quran Braille banyak membantu penguasaan bacaan mereka. Ini kerana murid-murid mengambil masa hampir empat jam iaitu ketika sesi kelas pagi persekolahan dan kelas tambahan al-Quran pada waktu malam. Ini bersesuaian dengan Saidi et.al, (2008) yang mendapati bahawa, murid berkeperluan khas yang mendapat pengajaran tambahan selain di sekolah, didapati dapat membantu mereka lebih menguasai sesuatu bidang mata pelajaran.

KESIMPULAN

Sebagai kesimpulan, dakwah terhadap OKU pelbagai jenis kategori memerlukan perhatian yang lebih dan khusus oleh semua pihak terutamanya golongan ilmuwan dan agamawan. Perbezaan dan kreativiti dalam teknik penyampaian dakwah perlu dititikberatkan dalam meningkatkan kefahaman agama sekaligus berupaya mengamalkan nilai-nilai Islam agar dapat meningkatkan

ketaqwaan sebagai hamba Allah SWT. Ini kerana Islam tidak hanya terkhusus untuk golongan tipikal sahaja bahkan Islam untuk semua jenis kategori termasuk mereka yang mempunyai kelainan keupayaan. Keyakinan terhadap takdir Tuhan dalam menciptakan manusia yang berbeza perlu sentiasa diterapkan supaya mereka dapat menerima seadanya akan kelainan keupayaan mereka. Tambahan, kesedaran masyarakat terhadap keperluan komuniti OKU juga perlu dititikberatkan. Oleh itu, pendekatan yang betul, teknik yang berkesan, serta strategi pelaksanaan yang efisien amat perlu diberikan perhatian kerana sehingga kini tahap perkembangan dakwah kepada komuniti OKU masih lagi memerlukan pemerkasaan. Semoga kajian ini mampu membuka mata semua pihak dalam usaha memartabatkan dakwah kepada OKU selain menumpukan kepada pendekatan yang terbaik sesuai dilaksanakan kepada komuniti ini dalam mendapatkan pendidikan agama.

PENGHARGAAN

Sekalung penghargaan kepada Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) atas pendanaan bagi kajian yang bertajuk Model Sukarelawan Dakwah OKU Berasaskan Hadis Al-Arbain Nawawi ke Arah Masyarakat Rabhani di bawah Geran Penyelidikan FRGS 2021-1 (FRGS/1/2021/SSI0/USIM/02/12).

RUJUKAN

Al-Quran Al-Karim.

Pelan tindakan orang kurang upaya 2016-2022, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Terbitan 2016.

Normah A.N., Kamal M.Y. & Fazil, A. (2018). *Contributions of Volunteering University's Student to National Economy*. International Journal of Asian Social Science, Vol 7 (12), 971-976.

Kamal, Muhammad Hakim & Hussin, Mohamad. (2020). *A Systematic Literature Review (SLR) Analysis on the Translation of Iltifāt Elements*.

Bem, D. J. (1995). *Writing a review article for psychological bulletin*. Psychological Bulletin. 118, 172-177.

Baumeister, R. F., & Leary, M. R. (1997). *Writing narrative literature reviews*. Review of general psychology, 1(3), 311-320.

Michie, S., & Williams, S. (2003). *Reducing work related psychological ill health and sickness absence: a systematic literature review*. Occupational and environmental medicine. 60(1), 3-9.

Higgins, J. P. T., et al. (2011). *The Cochrane Collaboration's tool for assessing risk of bias in randomised trials*. BMJ (Online), 343(7829), 1-9. <https://doi.org/10.1136/bmj.d5928>.

Nor Izzati binti Mahd Nor. (2021). *Pendidikan Islam bagi Kanak-Kanak Berkeperluan Khas: Guru sebagai Murabbi*. JQSS – Journal of Quran Sunnah Education and Special Needs Vol. 5

Abdullah Muhammad Basmeih. (2011). *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman kepada Pengertian Al-Quran*. Selangor: Darul Fikir.

Nor Asma, Mohd Isa & Maimun Aqsha Lubis. (2017). *Konsep islamisasi ilmu dan penerapan pendidikan*. Dlm. Maimun Aqsha Lubis, Mohd Fuad Othman & Hidayat Shafie (pnyt.). Intergrasi Ilmu Keunggulan Pendidikan Islam, hlm. 44-58. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Mohamad Adib Mohamad Salih, Intan Farhana Saparuddin & Zulkefli Aini. (2017). *Realiti Cabaran Pendakwah Terhadap Orang Kelainan Upaya Penglihatan*. Conference International Insan.
- Ab. Aziz, M. Z. (2009). *Metodologi Dakwah Terhadap Orang Kurang Upaya* (1st ed.). Penerbit Universiti Malaya.
- Mohd Nur Adzam Rasdi et al. (2013). *Pengajaran Al-Quran Braille: Isu Dan Cabaran Semasa*. International Journal on Quranic Research (IJQR) Vol.3, No. 4.
- Siti Farhana, S., & Tengku Intan Zarina, T. P. (2016). *Pendidikan Adab Islam : Cabaran Di Kalangan*. Journal of Global Business and Social Entrepreneurship (GBSE), 2(3), 108–118.
- Rabiatuladawiyah Saleh & Mohd Nizam Sahad. 2020. *Sorotan Literatur Sistemik Isu dan Cabaran Pengajaran al-Quran Murid Berkeperluan Khas*. BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences 3(2): 199-211.
- Hajaratul Bahti, Mohd. Huzairi, Bani Hidayat & Nor Hayati. 2010. *Memperkasa Pendidikan Al-Quran Pelajar Bermasalah Penglihatan*. Prosiding Seminar Kebangsaan Pendidikan Negara Kali Ke-4
- Ahmad Yunus Mohd Noor. 2016. *Cabaran dalam Pengajaran dan Pembelajaran al-Qur'an Braille di Kompleks Malaysian Association for the Blind (MAB)*. ISLAMIYYAT 38(1) 2016: 15 – 24.
- Mohd Huzairi et al (2010a), “*Penguasaan Asas Fardu Ain Pelajar Bermasalah Pendengaran Dan Cabaran Dari Perspektif Guru: Satu Tinjauan Awal*” (Proceedings ICELD 2010 International Conference On Learner Diversity Universiti Kebangsaan Malaysia, 19-20 Oktober 2010).
- Noornajihan Jaafar & Nur Atiqah Abdul Aziz. (2018). *Faktor Penguasaan Pembelajaran Al-Quran Orang Kelainan Upaya Masalah Penglihatan: Kajian di Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas (SKPK) Alma, Pulau Pinang*. Tinta Artikulasi Membina Ummah 4(2), 2018 12-23, e-ISSN: 2289-960X.
- Nor, S.M. (2010). *Kesukaran pemahaman murid – murid bermasalah pendengaran terhadap mata pelajaran pendidikan Islam*. Proceedings First Annual Inclusive Education Practices Conference. 122 – 130.
- Mohd Raus, H. N., & Ahmad Nabil, N. (2017). *Model dan Kurikulum Pendidikan Al-Quran Holistik bagi OKU*. Journal of Quran Sunnah Education & Special Needs, 1(1): 15-30. Retrieved from <http://jqss.usim.edu.my/index.php/jqss/article/view/5>
- Siti Muhibah & Zetty Nurzuliana. (2018). *Peranan dan Cabaran Guru-Guru Pendidikan Khas Membentuk Kemenjadian Murid-Murid Masalah Pendengaran Dalam Abad Ke 21*. Journal of Quran Sunnah Education and Special Needs 2(1).
- Brown, C.A., Smith, M.S. & Stein, M.K. (1995). *Linking teacher support to enhanced classroom instruction*. Paper presented at the Annual Meeting of the American Educational Research Association. New York.
- Cohen, D.K. & Hill, H. (1997). *Instructional policy and classroom performance: the mathematics reform in California*. Paper presented at the Annual Meeting of the American Educational Research Association. Chicago, IL.
- Durst, Susanne, and Ingi Runar Edvardsson. 2012. “*Knowledge Management in SMEs: A Literature Review*” Journal of Knowledge Management 16 (6): 879 –903.
- Asbari, M., Tukiran, M., PURWANTO, A., Santoso, P. B., Wijayanti, L. M., & Hyun, C. C. (2020). *Masih Relevankah Pengukuran Gaya Belajar Pada Pembelajaran Online?(Sebuah Kajian Literatur Sistematis)*. Journal of Industrial Engineering & Management Research, 1(3), 267-275.